

WACANA “MINISTERIAL TALK SERIES”

**UCAPAN
Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**DEWAN KEUSAHAWANAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
7 MAC 2019**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ،
الْحَمْدُ لِلَّهِ الْوَاحِدِ الْأَحَدِ،
الْفَرْدِ الصَّمَدِ،
الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ،
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ..
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى الْحَبِيبِ مُحَمَّدٍ،
قَائِدِ بَدْرِ وَأَحَدِ،
وَعَلَى أَصْحَابِهِ الرُّكْعِ السُّجْدِ.. أَمَّا بَعْدُ.

YB Senator Dr. Radzi Jidin,
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi merangkap
Timbalan Pengerusi MTNg Kelantan;

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Hussamuddin Haji
Yaacub,**
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia
Kelantan;

Yang Berbahagia Prof. Dr. Noor Azizi bin Ismail,
Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan;

**Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya Wan Mohd
Radzi,**
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan
Usahawan;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMK;

Pengurusan Tertinggi UMK;

Saudara-saudari mahasiswa UMK;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, saya panjatkan rasa bersyukur kerana buat kali pertama saya dapat melangkah masuk ke kampus UMK pada petang ini. Sebaik sahaja saya dapat melangkah masuk, saya dapat rasakan tenaga, semangat di kalangan mahasiswa UMK. Kalau ini dapat kita pertahankan, Insya' Allah UMK akan muncul sebagai salah satu IPT yang terbaik di Negeri Kelantan ini.

2. Sebagai peneraju Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, saya membisik kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, yang kebetulan orang Kelantan, bahawa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang bertanggungjawab untuk menggubal dasar harus segera berbincang dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk memberikan sokongan yang lebih besar kepada UMK dalam tahun yang akan datang.

3. Pada petang ini, saya juga bersyukur dapat berdiri dan berinteraksi bersama rakyat Kelantan kerana rakyat Kelantan ini amat terkenal sebagai komuniti yang berilmu.

4. Rakyat Kelantan juga memiliki semangat keusahawanan dan penubuhan UMK ini menepati dengan ciri-ciri orang Kelantan. Sebab itulah teras utama UMK adalah pendidikan keusahawanan dan perusahaan untuk melahirkan lebih ramai golongan usahawan pada masa depan.

5. Kita lihat anak-anak Kelantan ini, telah muncul sebagai generasi yang berjaya. Sama ada dalam bidang akademik, dalam bidang perkhidmatan awam, mereka juga terlibat rancak dalam sektor perniagaan, dan telah melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya dan tersohor.

6. Salah seorangnya yang berada di depan kita, Dato' Dr. Hussamuddin Yaacob. Seorang usahawan yang berjaya dalam industri media. Walaupun beliau berjaya dengan cemerlang tetapi masih tawaduk, masih ada sikap *humility* dan hari ini kembali semula ke Negeri Kelantan untuk menyumbang khidmat beliau bagi melahirkan lebih ramai graduan yang berjaya di negeri ini.

7. Saya yakin seluruh rakyat Kelantan berbangga dengan kejayaan tersebut. Namun, harus kita insaf bahawa mereka ini sangat berjaya di luar Negeri Kelantan. Bila mereka keluar daripada Negeri Kelantan, mereka berjaya.

8. Dalam politik mereka berjaya. Dalam bidang keusahawanan juga mereka turut berjaya. Dalam bidang akademik serta bidang perkhidmatan awam. Peguam Negara dari Kelantan sebelum ini, Ketua Hakim Negara dari Kelantan dan banyak lagi jawatan utama yang terdiri dari anak-anak Kelantan.

9. Namun wacana kita pada petang ini, berkisar pada maudhu' tentang bagaimana aset modal insan ini dapat kita gilap dan dapat kita garap sepenuhnya untuk membangunkan dan memajukan Negeri Kelantan.

10. Pada petang ini, saya ingin mencabar anak-anak Kelantan yang berada di luar Negeri Kelantan pulang segera untuk membangunkan negeri dan rakyat di Negeri Kelantan.

11. Kita ingin melihat bagaimana khazanah kebijakan dan kepandaian boleh memainkan peranan yang strategik untuk memajukan negeri dan memberikan kemakmuran kepada rakyat Negeri Kelantan ini.

12. Sudah sekian lama rakyat di Negeri Kelantan ini menyumbang kepada ekonomi negara Malaysia. Maka sumbangan ini telah memberikan kemakmuran, sosioekonomi rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

13. Sudah sampai masanya dan adalah wajar di mana Persekutuan membawa balik kemakmuran ini ke Negeri Kelantan dengan cara menyuntik modal dan membangunkan prasarana, logistik dan mencipta keterhubungan (*connectivity*).

14. Inilah maksud sebenar prinsip kesalingan (*reciprocity*) dan ia merupakan batu asas (*cornerstone*) untuk membakar semangat di kalangan rakyat Negeri Kelantan ini, khususnya yang berada di luar untuk kembali semula menyuburkan dan memperkukuhkan semangat federalisme yang saya akan sentuh sebentar lagi.

15. Dalam konteks menyuburkan semangat federalisme ini, semenjak semalam saya turun ke Negeri Kelantan dengan membawa mandat yang jelas daripada YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, dengan satu tekad, dengan satu matlamat, bahawa Kerajaan Baharu Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan ingin mengeneipkan tradisi kepartian yang melampau. Tolak kesemua ideologi politik, tetapi tumpukan untuk membangunkan Negeri Kelantan dan rakyat Negeri Kelantan.

16. Sudah berdekad-dekad lamanya, pengaruh politik yang tidak berkesudahan telah mencacatkan pertumbuhan ekonomi di Negeri Kelantan. Seinggakan yang menjadi mangsa bukan pemimpin politik, tetapi yang menjadi mangsa adalah rakyat di Negeri Kelantan itu sendiri.

17. Hari ini, Kerajaan Pakatan Harapan berikrar untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Ayuh kita bangunkan ekonomi rakyat Negeri Kelantan, demi kemakmuran Negeri Kelantan ini!

18. Kerana saya yakin dengan sinergi seperti ini bukan sahaja akan memberikan manfaat kepada rakyat Negeri Kelantan, bahkan ianya akan turut menyumbang kepada limpahan kemakmuran kepada seluruh negara.

19. Saya ada sedikit pengalaman di Negeri Selangor sebelum ini, di mana pada ketika itu Negeri Selangor merupakan negeri pembangkang kepada Kerajaan Persekutuan. Namun saya mengambil pendirian untuk tidak bermain politik tetapi menumpukan soal pembangunan walaupun kita dianaktirikan di Negeri Selangor.

20. Alhamdulillah, Selangor muncul sebagai negeri termaju – penyumbang terbesar kepada ekonomi Malaysia. Kalau Selangor boleh, saya yakin saudara-saudari juga boleh menyumbang kepada ekonomi Malaysia pada masa akan datang.

21. Justeru itu, kekayaan sumber daya manusia yang berasal daripada Negeri Kelantan harus segera digembleng sebagai satu kekuatan untuk melonjakkan pembangunan di Negeri Kelantan. Kegagalan menggarap kekuatan ini bermakna kita mengabaikan peluang keemasan untuk memangkin pertumbuhan ekonomi negara yang serata.

Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian,

22. Saya yakin kita mampu menjayakan hasrat ini. Kerajaan Pakatan Harapan telah melakukan anjakan paradigma dalam falsafah pembangunan negara. Kebijakan ini terserlah dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 di mana dokumen penting, dokumen ekonomi pertama yang digubal oleh Kerajaan Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan, telah dibentangkan, dibahaskan dan diluluskan oleh Parlimen pada sesi yang lepas.

23. Kita bukan sahaja mahu negeri-negeri di Pantai Barat menikmati pembangunan dan pertumbuhan, tetapi kita juga mahu memberi tumpuan kepada enam negeri yang telah ketinggalan sekian lama dan di antara enam negeri yang berkenaan adalah Negeri Kelantan Darul Naim. Ini dasar Kerajaan Persekutuan baharu pada hari ini.
24. Negeri-negeri yang lain termasuk Sarawak, Sabah, Terengganu, Kedah dan serta Perlis. Dasar ini dicerakinkan demi menjamin wilayah Pantai Timur tidak terpisah dari arus perdana pembangunan negara. Saya bukan datang sini untuk menabur janji ataupun menzahirkan *political rhetoric* atau retorikal politik. Saya tampil di depan pelajar-pelajar dan mahasiswa serta warga akademik UMK untuk menyatakan komitmen Kerajaan Persekutuan, termasuk tiga hari yang lalu.

25. Baru tiga hari yang lalu pada 4 Mac 2019, YAB Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang telah membahaskan Pelan Pelaksanaan Pembangunan Mampan Wilayah ECER untuk tempoh tujuh tahun daripada 2019 hingga 2025.

26. Hasil daripada perbincangan yang produktif ini, yang turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Negeri Kelantan, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah meluluskan projek-projek yang berimpak tinggi untuk rakyat di Negeri Kelantan.

27. Pada petang ini, saya mengambil kesempatan untuk mengumumkan secara rasmi projek-projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

28. Di antaranya adalah Penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai lapangan terbang serantau. Pada hari ini, kita sedia maklum bahawa lapangan terbang ini telah mencatatkan lebih kapasiti. Maka pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra akan dapat menampung lebih empat juta penumpang dalam tempoh tiga tahun akan datang.
29. Tiga hari yang lalu juga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan satu projek baru yang amat dekat dengan hati orang Kelantan, iaitu Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3, dari Gemuruh, Kuala Terengganu sehingga ke Tumpat. Ini akan mewujudkan koridor ekonomi yang baru di persisiran pantai Negeri Kelantan. Kerana kita tahu projek Lebuhraya KB-KK (Kota Bharu – Kuala Krai) dan juga CSR (Central Spine Road) yang akan memberi tumpuan ke kawasan-kawasan pendalaman.

30. Maka untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi kawasan pedalaman dan juga kawasan pesisir Pantai Timur, YAB Perdana Menteri bersetuju supaya projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 disegerakan untuk rakyat Negeri Kelantan.

31. Saudara-saudari juga sedia maklum, Kelantan ada sebuah pelabuhan Tok Bali yang dibangunkan oleh pihak swasta hanya tertumpu kepada industri *oil and gas* pada ketika ini. Namun tidak ada *connectivity*. Pihak industri kita tahu ada *industry hub* di Tok Bali tidak dapat dibangunkan secara menyeluruh kerana jaringan hubungan jalan raya dan lebuhraya untuk mengangkut produk-produk industri ini amat terbatas.

32. Untuk maksud itu, Kerajaan Persekutuan sekali lagi, tiga hari yang lalu telah bersetuju untuk membina jalan raya yang menghubungkan Pasir Putih, Machang dan Jeli hingga ke Tok Bali sebagai jalan pintas bagi meningkatkan aktiviti ekonomi.

33. Yang keempat – banyak kelulusan – tapi yang membezakan kita dengan mereka, kita bukan meluluskan semasa kempen pilihan raya. Kita meluluskan projek-projek besar bukan kerana ada Pilihan Raya Kecil atau Pilihan Raya Negeri.

34. Kelantan tiada Pilihan Raya Kecil setakat petang ini. Kelantan tidak ada Pilihan Raya Negeri. Tetapi sebagai Kerajaan yang peduli rakyat, yang memahami hasrat dan aspirasi rakyat Kelantan, biarpun ini bukan Kerajaan Pakatan Harapan, maka kami turun untuk membangunkan Negeri Kelantan dan rakyat Negeri Kelantan.

35. Satu lagi projek yang Kerajaan Persekutuan rasakan amat penting ialah untuk menyuraikan kesesakan trafik di bandar Kota Bharu. Bila ada musim-musim perayaan, Kota Bharu terlalu sesak. Maka untuk menyuraikan trafik di bandar Kota Bharu, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk membina Jambatan Palekbang di Kota Bharu bagi menyuraikan trafik di Kota Bharu. Lebih banyak projek Kelantan dari Selangor.

Saudara-saudari sekalian,

36. Ini akan memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga. Saya difahamkan pada petang ini, kita ada wakil dari Dewan Perniagaan Melayu dan Dewan Perniagaan Cina.

37. Rebutlah peluang ini kerana dasar Kerajaan Persekutuan, kita akan menganugerahkan kontrak-kontrak ini secara telus dan terbuka. Tidak ada lagi sokongan politik. Tidak ada lagi sogokan politik. Tidak ada lagi surat-surat *recommendation* dari ahli-ahli politik.
38. Kita mahu proses perolehan dibuat secara tender terbuka bagi menjamin prinsip *value for money*. Bagi menjamin kos ini dapat dikurangkan. Inilah peluang dewan perniagaan, ahli-ahli perniagaan untuk tampil ke hadapan menggunakan kemahiran mereka. Saya percaya saudara-saudari sebagai graduan daripada UMK juga mempunyai peranan untuk terlibat secara langsung dalam projek pembangunan di Negeri Kelantan ini.

39. Secara dasarnya, kita telah mengangkat keputusan daripada majlis ini dan dibincangkan dalam Majlis Tindakan Negeri Kelantan yang bersidang pada hari ini. Saya, Pengerusi; Dr. Radzi, Timbalan; dan dianggotai oleh semua Ketua-Ketua Jabatan.

Saudara-saudari sekalian,

40. Dalam Mesyuarat Pelaksanaan Pembangunan Mampan Wilayah ECER ini, ataupun Pelan Pelaksanaan Pembangunan Mampan Wilayah ECER 2.0, untuk negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan juga Johor, dijangka akan mencatatkan pelaburan swasta bernilai RM 70 bilion dan akan mencipta sebanyak 120,000 pekerjaan dalam masa tujuh tahun yang telah dirangka.

41. Ini merangkumi sektor pelancongan, pembuatan, pertanian, industri minyak dan gas serta sektor baru yang dikenalpasti, iaitu logistik dan perkhidmatan. Pelaksanaan pelan ini juga akan membangunkan 60,000 usahawan dan UMK merupakan tempat yang terbaik untuk melahirkan graduan-graduan di kalangan usahawan-usahawan ini.

42. Saya akan meminta pihak ECER untuk turun ke UMK bagi mengenal pasti satu program khas supaya setelah saudara-saudari tamat pengajian di UMK, saudara-saudari boleh terlibat dengan projek-projek yang telah disenaraikan dalam ECER untuk tempoh tiga tahun.

43. Saya mencerakinkan perkara-perkara ini untuk membuktikan bahawa ini adalah iltizam dan komitmen Kerajaan Baharu Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan di bawah kepimpinan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjana pertumbuhan ekonomi, mencipta peluang pekerjaan di kalangan anak-anak kita, memastikan pembangunan dan kemajuan ini lebih serata, ke seluruh wilayah dan daerah dalam negara ini. Insya' Allah.
44. Maka saya berharap pihak Kerajaan Negeri Kelantan juga akan dapat memberikan kerjasama, sokongan dan dukungan dengan memastikan projek-projek ini mendapat kelulusan segera di peringkat daerah dan juga mukim dan wilayah.

45. Kita mempunyai perancangan dan saya telah menetapkan dalam perbincangan pagi ini, saya mahu semua projek-projek ini mengikut jadual yang telah ditetapkan, memastikan prinsip *value for money* dipertahankan dan pastinya kualiti kerja itu mesti baik dan selamat untuk rakyat di Negeri Kelantan.

Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian,

46. Satu lagi perkara yang saya ingin kongsi dalam kuliah pada petang ini. Sehingga tahun 2018, dalam tempoh 10 tahun yang lalu, pelaporan swasta dalam Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur telah mencecah RM 114 bilion dan 14% daripada jumlah tersebut, ataupun RM 16 bilion, adalah sumbangan daripada syarikat swasta Bumiputera.

47. Daripada RM 16 bilion ini, kadar pelaksanaan ataupun *realisation rate* mencecah 70%. Tahniah saya ucapkan kepada golongan Bumiputera yang telah mencatatkan prestasi yang tinggi ini. Prestasi ini lebih tinggi daripada kadar pelaksanaan pelaburan swasta bukan Bumiputera.
48. Maka ini membuktikan kalau sebelum ini ada tanggapan bahawa orang Melayu dan Bumiputera tidak mampu bersaing, tidak ada keupayaan, hari ini saya ingin mengisytiharkan bahawa golongan usahawan Melayu Bumiputera ada potensi, ada kemahiran, ada kebolehan jika mereka diberikan peluang untuk maju terus ke hadapan.

49. Sebagai Kerajaan Pakatan Harapan, sementara kita mahu dasar ekonomi yang adil dan saksama kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, kita juga mahu pastikan golongan Melayu Bumiputera terus mendapat sokongan dan dukungan daripada Kerajaan agar mereka boleh bersaing dan maju untuk sama-sama membangunkan Negeri Kelantan dan negara Malaysia ini, Insya' Allah.

Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian,

50. Seperti yang saya nyatakan tadi, mesyuarat Majlis Tindakan Negeri Kelantan adalah platform yang penting untuk kita menyelaraskan perancangan, memantau pelaksanaan dan mengesan pelaksanaan dasar dan projek dan program pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Saya telah bertemu dengan semua jabatan-jabatan, ada 51 agensi persekutuan di Negeri Kelantan.

51. Dalam pertemuan tadi, saya menyatakan bahawa sebagai anggota Perkhidmatan Awam, mereka tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana orang dan parti politik, khidmat mereka harus berteraskan kepada prinsip berintegriti, wibawa dan profesional. Jangan mana-mana parti politik dan orang politik memeralatkan Pegawai-Pegawai Kerajaan untuk kepentingan parti-parti politik mereka!

52. Ini teguran yang saya buat, kerana saya yakin anggota Perkhidmatan Awam di Malaysia, sama ada di peringkat Negeri atau Persekutuan, mereka memiliki keupayaan, kemahiran, integriti untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang ada pada hari ini.

Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian,

53. Saya juga berharap Pegawai-Pegawai Kerajaan di peringkat negeri sehinggalah Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung dapat menyambut komitmen Kerajaan Persekutuan ini secara berlapang dada kerana akhirnya kita mampu melihat pembangunan di Negeri Kelantan ini dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat keseluruhannya tanpa bergelut dengan politik di bahagian yang berlanjutan terlalu lama.

54. Saya juga ingin memberikan sedikit pandangan tentang apa itu politik kerana kadang-kadang kita terbawa-bawa dengan pemikiran politik cara lama, politik kepartian yang sebenarnya akan memecahkan perpaduan rakyat dalam negara.

55. Semasa saya berada di Negeri Selangor saya telah menegaskan berulang kali bahawa politik ini bukan soal kuasa semata-mata. Kalau kita terlalu memikirkan politik ini soal kuasa, maka kita akan terus bergelut dan bercakaran untuk merampas dan berebut kuasa.
56. Tetapi bagi saya politik ini bukan kuasa semata-mata, politik adalah soal penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, politik adalah soal kebertanggungjawaban dan soal nilai, politik hari ini bukan soal maki, hamun, fitnah, kita tidak boleh terlibat dalam *gutter politics*. Kita harus lebih matang, bawa politik nilai yang dapat mengangkat martabat rakyat dan negara Malaysia yang kita kasihi.

57. Kalau semua pemimpin politik, kalau semua parti-parti politik boleh berpegang kepada prinsip ini, tolak *gutter politics*, tetapi memikirkan soal nilai, soal integriti, saya tidak nampak akan berlaku perpecahan dan percakaran yang melampau sehingga melemahkan rakyat dalam negara ini.
58. Maka saya menganjurkan prinsip yang harus dipakai oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, pemimpin-pemimpin politik adalah seperti yang ditegaskan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran. Di mana Allah telah menegaskan di dalam Al-Quran, “Apabila kamu diberikan amanah, kamu mesti berlaku adil dan berbuat ihsan.”

59. Ini bukan arahan saya, bukan arahan parti-parti politik, sebagai umat Islam, sebagai orang Melayu, berpegang kepada prinsip ini, berlaku adil, jangan zalim kepada rakyat, jangan menekan rakyat, jangan lakukan rasuah, jangan rampas hak rakyat, berlaku adil kepada semua!
60. Kalau ini kita dapat suburkan dalam pentadbiran Kerajaan di peringkat Negeri, peringkat Persekutuan, di kampung, daerah, wilayah dan mukim, saya yakin Malaysia akan muncul sebagai satu kekuatan baru bukan sahaja di peringkat rantau tetapi juga di antarabangsa.
61. Saudara-saudari jangan seronok bertepuk sahaja. Saudara-saudari menggalas satu tanggungjawab yang besar. Masa depan negara ini adalah terletak di bahu saudara-saudari.

62. Saya tidak akan ada lama di sini, tetapi pemimpin masa depan yang akan mewarisi kepemimpinan negara dan negeri adalah anak-anak dan graduan daripada UMK di Negeri Kelantan ini. Sebab itu kita harus menerima realiti di Negeri Kelantan.

63. Kita harus menerima hakikat bahawa rakyat Kelantan telah membuat keputusan dan keputusan ini harus dihormati. Kalau kita mengaku kita ini demokrat, kita yakin dengan demokrasi, ayuh, Negeri ada tanggungjawab kepada Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan juga ada tanggungjawab kepada Negeri Kelantan untuk kita bangun secara bersama yang akhirnya rakyat yang akan mendapat manfaat daripada ini. Inilah yang disebut sebagai federalisme.

64. Federalisme ini bukan bermaksud kita nak ambil kuasa daripada Kerajaan Negeri. Federalisme bermaksud kita harus menerima kedaulatan negeri yang berkenaan dan bagaimana Kerajaan Persekutuan dapat memastikan pertumbuhan sosioekonomi yang seimbang bagi seluruh negara. Ini prinsip federalisme.
65. Kita kutip cukai daripada rakyat, kita uruskan cukai berkenaan tetapi bukan untuk segelintir pihak sahaja. Cukai yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan akan diagihkan secara adil dan saksama kepada seluruh wilayah dalam negara Malaysia ini. Baru kita boleh hidup dengan makmur dan maju tanpa sebarang jurang pembangunan yang lebar di antara negeri dan wilayah di Malaysia ini.

Saudara saudari yang saya kasihi sekalian,

66. Sementara kita mahu negeri Kelantan ini mara ke hadapan, kita mahu Negeri Kelantan ini maju dalam bidang industri dan pertanian. Saya ingin melihat Negeri Kelantan tidak tercabut dari akar budaya dan jati diri Negeri Kelantan.

67. Sebagai sebuah masyarakat yang kental dengan budaya ke-Melayu-an bukan kelayuan, layu laeh tidak boleh. Ini kita cekal dan kental dengan Melayu ke-Melayu-an dan ke-Islam-an, Kelantan perlu menggabungkan secara kreatif kemajuan dengan nilai-nilai tradisi.

68. Kita harus ada keupayaan, kita harus ada kesungguhan, kita harus ada keazaman untuk membangunkan Negeri Kelantan tetapi pada masa yang sama kita harus mengimbangi dengan budaya, nilai dan tradisi yang amat kaya sebagai orang Melayu dan umat Islam di Negeri Kelantan ini.

Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian,

69. Saya ingin menutup perbincangan kita pada petang ini dengan membawa perhatian saudara-saudari pada apa yang berlaku pada bulan Mei 2018. Kita bersyukur terhadap Allah SWT. Setelah 61 tahun negara Malaysia merdeka, rakyat Malaysia telah bangkit untuk membawa satu perubahan yang cukup bersejarah.

70. Lanskap politik telah berubah tetapi yang lebih unik dan menjadi pemerhatian dunia pada hari ini. Perubahan yang begitu besar yang berlaku setelah 61 tahun negara kita merdeka, tetapi dunia kagum, perubahan ini berlaku secara aman, tertib, teratur tanpa sebarang huru-hara dan kacau-bilau dalam negara Malaysia.
71. Ini penting bagi pelabur-pelabur asing kerana mereka ingin memastikan negara itu stabil dari segi politiknya, ada potensi untuk ekonominya berkembang dan rakyat Malaysia, termasuk rakyat Negeri Kelantan, adalah rakyat yang matang yang telah membawa perubahan dengan aman dan damai demi masa depan Malaysia yang lebih cemerlang, Insya Allah.

72. Walau bagaimanapun, kemenangan rakyat pada 9 Mei 2018 berdepan dengan berbagai masalah legasi yang terpaksa Kerajaan Baharu galas. Kita tidak ada pilihan, rakyat telah memberikan mandat kepada kita. Kita tidak menjangkakan hutang negara begitu besar.
73. Tapi masalah ini, adalah masalah yang *real*. Kalau hutang negara sudah mencecah RM 1 trilion, setiap tahun Kerajaan sekarang terpaksa menanggung kadar faedah sebanyak RM 500 juta.
74. Namun kita harus bersedia untuk menghadapi cabaran yang besar ini dan pada masa yang sama kita harus teruskan dengan tindakan untuk membangunkan negara termasuk melakukan reformasi institusi, menerapkan prinsip tata kelola dan meletakkan ekonomi negara di atas landasan yang betul.

75. Saya ingin menyatakan dalam tempoh enam bulan ini kita telah berjaya memulihkan keyakinan pelabur-pelabur asing untuk mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka.
76. Semalam dalam Mesyuarat Jemaah Menteri kita telah dibentangkan statistik yang terbaru. Mengikut statistik yang dibentangkan semalam, keyakinan pelabur-pelabur asing telah pulih di mana pada tahun 2018, iaitu setelah Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih, jumlah pelaburan yang tercatat adalah sebanyak RM 201.7 bilion iaitu melebihi apa yang tercatat pada tahun 2017, sebanyak RM 200.6 bilion.
77. Pada tahun yang lalu sebanyak 4,887 projek yang telah diluluskan. Dan projek-projek ini akan mencipta sebanyak 129,780 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia pada tahun yang berkenaan.

78. Untuk makluman saudara-saudari, jumlah pelaburan yang besar ini disumbangkan oleh pelaburan domestik yang mewakili 60%, manakala pelaburan asing 40%.
79. Ini membawa makna para pelabur-pelabur dalam negara Malaysia, pelabur-pelabur domestik, yakin dengan prospek ekonomi Malaysia yang akan terus mengalami anjakan yang lebih baik dan pertumbuhan lebih mampan dalam masa-masa yang akan datang. Persoalannya adalah, kalau Negeri Selangor, Pulau Pinang, Johor boleh maju ke hadapan, mengapa Kelantan perlu ketinggalan. Saya turun ke Kelantan untuk menyatakan saya tidak mahu Kelantan ketinggalan dalam arus pembangunan ini. Sedangkan Kelantan adalah *land of opportunity*.

80. Banyak potensi dan peluang di negeri Kelantan ini. Seperti yang saya nyatakan tadi, saya menyeru para pelabur domestik dan juga pelabur asing untuk kembali kepada Negeri Kelantan dan Kerajaan Persekutuan akan membantu memudahkan pelabur-pelabur ini untuk melengkapkan pelaburan mereka di Negeri Kelantan ini.
81. Saya percaya saudara saudari juga seperti yang dinyatakan oleh Naib Canselor sebentar tadi, bahawa UMK juga sedang meneroka bidang-bidang baharu yang lebih inovatif, yang lebih kreatif kerana ekonomi Malaysia dan ekonomi global pada hari ini sedang meletakkan *knowledge economy* sebagai satu asas bagi memajukan negara. Sebab itu UMK mempunyai cabaran yang besar. Kita mahu anak-anak kita menguasai teknologi-teknologi baharu dan mendakap gelombang Revolusi Industri 4.0.

82. Disebut sebentar tadi, dunia digital, *artificial intelligence*, *robotic*, *automation*, kesemua ini kita tidak ada pilihan dan anak-anak muda harus mendakap kesemua teknologi ini supaya apabila kita keluar daripada UMK, kita boleh memenuhi permintaan industri yang mahu tenaga yang lebih terlatih, berkemahiran dan dengan keupayaan ini, Insyallah, graduan UMK akan lebih *marketable* dan mudah dipasarkan dan mendapat pulangan dan gaji yang lebih tinggi sebagai tenaga kerja yang mahir.

Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian,

83. Saya berharap pandangan-pandangan yang saya lontarkan pada petang ini boleh dikongsi secara bersama. Saya tidak ada penyelesaian kepada semua masalah.

84. Tetapi kita boleh menyelesaikan semua masalah kalau kita wujudkan muafakat, kita wujudkan persefahaman, kita wujudkan kerjasama, kerana muafakat ini akan menjamin masa depan yang lebih baik dan cemerlang untuk Negeri Kelantan, Insya Allah.

85. Pada pandangan saya UMK juga boleh menjadi *integrator* bagi usahawan masa depan dan pemangkin untuk memacu usaha gelombang digital ke arah Industri Revolusi 4.0.

86. Akhirul kalam, saya cukup optimis, saya cukup yakin. Saya melihat potensi yang amat besar. Marilah kita bermula di UMK sebagai asas untuk membangunkan Negeri Kelantan dan rakyat Kelantan.

Terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.